

Sedia peluang lanjut pelajaran

» IIC tawar biasiswa bantu keluarga pendapatan rendah

Gombak

Buat julung kalinya Kolej Islam Antarabangsa (IIC) menyediakan biasiswa berjumlah RM9.4 juta untuk membantu pelajar yang mendaftar di kolej ini sepanjang tahun 2016.

Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron, berkata tajaan itu untuk pelajar yang menyambung pengajian dalam program diploma dan ijazah sarjana muda.


Beliau berkata, pelajar baharu sesi 2016 perlu merebut peluang terbaik itu bagi menyambung pengajian di IIC.

Lulusan SPM

"Kita membuka peluang keemasan ini kepada pelajar yang baru menerima keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi awam perlu cepat merebut peluang baik di IIC.

"Ini kerana kami mengambil sikap 'siapa cepat dia dapat'. Hanya pelajar awal mendaftar di IIC berpeluang mendapat biasiswa berke-



Penerima anugerah dekan diraikan oleh Shamsul Kahar (tengah) pada Majlis Penghargaan Anugerah Dekan Sekolah Sains Sosial IIC di Gombak, baru-baru ini.

naan," katanya dalam kenyataan di sini.

Shamsul berkata, biasiswa itu khusus untuk pelajar yang ibu bapa mereka berpendapatan RM15,000 ke bawah.

Katanya, nilai pembiayaan ialah antara RM1,700 hingga RM6,000, iaitu bergantung kepada program

pengajian yang akan diikuti oleh pelajar.

Bantuan ringan beban

Beliau berkata, pelajar yang baru mendaftar untuk sesi 2016 dan berkecukupan akan diberi penerangan berhubung syarat untuk membolehkan mereka menda-

patkan biasiswa itu.

Shamsul berkata, pembiayaan itu sebagai pertolongan IIC membantu orang ramai menangani keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang.

"Pemberian dalam bentuk biasiswa ini dapat meringankan beban pelajar untuk menyam-

bung pengajian di kolej ini.

"Tajaan ini juga akan membantu kerajaan membangunkan bidang pendidikan untuk menjana ekonomi.

"Peruntukan besar dalam bentuk biasiswa dapat meringankan beban keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah," katanya.